

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.05.2016

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

- a. 105 syarikat yang telah diberi pinjaman oleh Kerajaan yang berjumlah 28.178 bilion itu ; dan
- b. nyatakan jumlah pinjaman bagi setiap syarikat serta faedah yang dikenakan, tempoh pembayaran dan prestasi pembayaran balik kepada Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat Jabatan Akauntan Negara Malaysia setakat 30 April 2016, jumlah

pinjaman yang telah diberikan kepada 55 buah syarikat adalah sebanyak 176 pinjaman dengan nilai RM29,753 juta.

Kadar faedah yang dikenakan bagi setiap pinjaman adalah sehingga 8 peratus dan bayaran balik pinjaman adalah dalam tempoh 1 hingga 30 tahun.

Bayaran balik pinjaman hendaklah mengikut Jadual Bayaran Balik dan sekiranya Peminjam gagal menjelaskan bayaran tersebut, Kerajaan Persekutuan akan mengambil tindakan selaras dengan perjanjian pinjaman.